

27/03/2002

Kos beli kereta kebal belum ditentukan

Mohd Azis Ngah

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan belum menetapkan jumlah, harga serta syarat pembelian kereta kebal PT91 buatan Poland walaupun secara dasarnya Malaysia sudah bersetuju membelinya seperti diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ahad lalu.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata masih banyak perkara perlu dirundingkan dalam urusan pembelian itu yang membabitkan pelbagai pihak, termasuk wakil Kementerian Pertahanan dan syarikat berkaitan di kedua-dua negara.

"Seperti diumumkan Perdana Menteri, kita sudah membuat keputusan untuk memperoleh kereta kebal PT-91 daripada Poland, tetapi dari segi jumlah, syarat pembelian dan yang berkaitan masih perlu dirundingkan.

"Sebab itu saya katakan ia terlalu awal untuk kerajaan umumkan jumlah serta kosnya," katanya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Program Pusat Perkhidmatan Komuniti Desa Tun Hussein Onn di sini, hari ini.

Ahad lalu, Perdana Menteri mengumumkan keputusan kerajaan untuk membeli kereta kebal berkenaan selepas menilai tawaran dari tujuh negara lain termasuk Russia, Ukraine dan Sweden. Keputusan itu dibuat kerana kereta kebal buatan Poland didapati terbaik dan memenuhi kehendak pertahanan negara.

Dr Mahathir juga menjelaskan pembelian itu akan dilaksanakan secara satu pakej yang merangkumi pemindahan teknologi dan peraturan komersial yang boleh memberangsangkan ekonomi negara termasuk pembelian barangan Malaysia.

Malaysia mengharapkan Poland akan membeli minyak sawitnya sebagai sebahagian daripada bayaran untuk kereta kebal itu.

Ditanya mengenai pakej itu sama ada kerajaan sudah memutuskan untuk menjual minyak sawit dan membeli kereta kebal daripada Poland, Najib berkata Malaysia masih menunggu tawaran komersial daripada Poland.

"Keputusan penuh sama mereka bersetuju dengan cadangan itu akan diumumkan apabila urusan selesai" katanya sambil menambah tarikh rundingan belum ditetapkan tetapi akan diadakan dalam masa terdekat.

Kereta kebal adalah PT91 berdasarkan model T72 buatan Russia dengan kebolehan yang sudah diperbaiki dan dipertingkatkan serta akan dilengkapi dengan sistem tembakan SAVAN15 buatan syarikat Sagem dari Perancis.

Kementerian Pertahanan mengemukakan cadangan untuk melengkapkan tentera daratnya dengan kereta kebal sejak 1994 lagi dengan mengkaji kereta kebal dari beberapa negara. Rancangan itu terbantut berikutan kemerosotan ekonomi pada 1997, tetapi dihidupkan semula baru-baru ini.

Pembuat kereta kebal, Zaklady Mechaniczne Bumar Labedy SA (ZMBL) telah bekerjasama dengan MMC Defence Sdn Bhd dalam rancangan pemindahan teknologi termasuk pemasangan kereta kebal itu di Malaysia.

Mengenai kemungkinan Kementerian Pertahanan akan membeli peralatan senjata lain termasuk pesawat perang selepas lawatan ke beberapa negara pengeluar senjata perang bersama Perdana Menteri, Najib berkata perkara itu memang dalam pertimbangan.

"Mungkin kita akan beli beberapa pesawat dan senjata lain tetapi setakat ini kita belum senaraikan jenis serta negara pengeluar. Kita masih mengkaji dan melihat pelbagai jenis senjata. Kita mempunyai banyak pilihan," katanya.

(END)

